BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid. 39 No. 3

S3 Suku Ketiga 2024

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Rencana: Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

22 Pertimbangan Dasar

24 Tinjauan Makroekonomi

26 Tambahan

Sorotan Penting bagi S3 2024

KDNK meningkat sebanyak 5.3%

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?

Pengembangan aktiviti pelaburan keseluruhan yang kukuh
Pembentukan Modal Tetap Kasar 15.3% (S2 2024: 11.5%)

Eksport barangan dan perbelanjaan pelancongan yang lebih tinggi
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 11.8% (S2 2024: 8.4%)

Pengembangan dalam perbelanjaan isi rumah
Penggunaan Swasta: 4.8% (S2 2024: 6%)

Inflasi keseluruhan stabil pada 1.9%

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Inflasi diesel yang lebih tinggi, berikutan rasionalisasi subsidi
Inflasi diesel : 20.1% (S2 2024: 5.3%)

Inflasi insurans kenderaan yang lebih tinggi
Inflasi insurans: 0.8% (S2 2024: -0.1%)

Inflasi makanan yang lebih rendah
Inflasi makanan dan minuman: 1.6% (S2 2024: 1.9%)

Peningkatan berterusan bagi pasaran pekerja

Kadar Pengangguran
3.2%
(S2 2024: 3.3%)

Upah Nominal Sektor Swasta
3.0%
(S2 2024: 2.7%)

Ringgit menambah nilai berbanding Dolar AS

MYR/USD
14.9%
(S2 2024: 0.2%)

Indeks Dolar AS
-4.8%
(S2 2024: 1.3%)

Rencana

Pengukur Iklim Perniagaan ialah kaedah pemantauan yang berguna, menawarkan pemahaman yang tepat pada masanya dalam mengenal pasti titik perubahan trend serta cabaran dan peluang khusus sektor, membolehkan BNM membuat keputusan dasar berdasarkana maklumat yang mencukupi.

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global yang mampan pada S3 2024

KDNK ekonomi terpilih,
Pertumbuhan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pemulihan pertumbuhan perdagangan yang berterusan di kebanyakan negara serantau

Eksport ekonomi terpilih,
Pertumbuhan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan global mampan**, berikutan kesan terlat kadar faedah yang tinggi diimbangi oleh pasaran pekerja yang berdaya tahan dan inflasi yang lebih rendah.
- **Perdagangan global terus bertambah baik,** disokong oleh kekukuhan barangan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E) serta barangan bukan E&E yang menyeluruh.
- **Inflasi terus menurun** secara global, lantas merintis jalan ke arah pelonggaran dasar monetari oleh lebih banyak bank-bank pusat.
- **Trend harga minyak mentah Brent menurun** kepada USD79 setong pada S3 2024 (S2 2024: USD85 setong) berikutan permintaan yang lebih rendah daripada China dan pengumuman pengurangan pemotongan secara sukarela pengeluaran minyak oleh negara-negara OPEC+ secara beransur-ansur.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 5.3% pada S3 2024

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan ekonomi menurun kepada 1.8% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahun, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S3 2024?

- Aktiviti pelaburan yang terus berkembang dengan kukuh
- Eksport barangan dan perbelanjaan pelancongan yang lebih tinggi
- Pengembangan dalam perbelanjaan isi rumah berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S3 2024?

- Pengeluaran minyak dan gas yang lebih rendah berikutan aktviti penyenggaraan

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan domestik yang berterusan

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.8%
(S2 2024: 6%)

Pengembangan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar

Pelaburan Swasta

15.5%
(S2 2024: 12%)

Perbelanjaan kukuh untuk struktur dan jentera & peralatan

Penggunaan Awam

4.9%
(S2 2024: 3.6%)

Perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Kerajaan untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan

Pelaburan Awam

14.4%
(S2 2024: 9.1%)

Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan dan syarikat awam berkembang

Eksport Bersih

-8.8%
(S2 2024: 3.4%)

Eksport yang lebih tinggi diimbangi oleh import barangan perantaraan dan modal yang lebih kukuh

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

5.2%
(S2 2024: 5.9%)

Pengembangan berterusan disokong oleh subsektor berkaitan pengguna

Perkilangan

5.6%
(S2 2024: 4.7%)

Pengeluaran yang lebih kukuh dalam kluster berorientasikan eksport (iaitu E&E dan petrokimia)

Pertanian

3.9%
(S2 2024: 7.3%)

Pertumbuhan yang lebih sederhana dalam pengeluaran minyak kelapa sawit manakala keluaran perikanan menguncup

Perlombongan

-3.9%
(S2 2024: 2.7%)

Penguncupan dalam pengeluaran minyak dan gas berikutan aktiviti penyenggaraan

Pembinaan

19.9%
(S2 2024: 17.3%)

Pertumbuhan yang teguh dalam subsektor bukan kediaman, kediaman dan pertukangan khas

Source: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja terus bertambah baik

- Kadar pengangguran terus menurun kepada 3.2% pada S3 2024 (S2 2024: 3.3%).
- Guna tenaga bertambah baik kepada 16.7 juta orang pada S3 2024 (S2 2024: 16.6 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan berikutan kadar penyertaan tenaga kerja kekal pada paras tertinggi sebanyak 70.5% pada S3 2024 (S2 2024: 70.5%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran lebih rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal stabil pada suku ketiga

- Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal stabil pada 1.9%.
- Inflasi yang lebih tinggi dicatatkan pada suku tersebut untuk diesel dan insurans kenderaan, tetapi diimbangi oleh penurunan inflasi makanan dan minuman.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

Diesel *(Wajaran: 0.2%)*	Insurans kenderaan *(Wajaran: 2.5%)*	Makanan dan minuman *(Wajaran: 29.8%)*
▲ 20.1% S2 2024: 5.3%	▲ 0.8% S2 2024: -0.1%	▼ 1.6% S2 2024: 1.9%

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi kurang meluas pada suku ketiga

- Bilangan item IHP yang mencatatkan kenaikan harga menurun pada suku ketiga, kembali berada di bawah purata jangka panjangnya.
- Yang penting, hal ini menunjukkan bahawa kesan limpahan daripada rasionalisasi subsidi diesel kepada harga IHP secara amnya terkawal setakat ini.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Eksport bertambah baik serta import lebih kukuh

Eksport Kasar **7.8%** S2 2024: 5.8%

Eksport perkilangan yang lebih tinggi dan pengembangan berterusan eksport komoditi.

Import Kasar **20.8%** S2 2024: 15%

Import modal yang kukuh berikutan aktiviti pelaburan dan peningkatan import perantaraan untuk menyokong pengeluaran, terutamanya eksport perkilangan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa berterusan dengan aliran keluar dalam akaun kewangan

Akaun Semasa
RM2.2 bilion; 0.4% daripada KDNK
(S2 2024: RM3 bilion; 0.6%)

Faktor pendorong utama
- Lebihan barangan berkurang sedikit apabila import perantaraan dan modal yang kukuh melebihi eksport.
- Defisit yang lebih besar dalam pendapatan utama dan sekunder.

Dimbangi sebahagiannya oleh
- Defisit perkhidmatan lebih kecil mencerminkan pendapatan perjalanan yang lebih tinggi berikutan peningkatan perbelanjaan pelancongan.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM7.5 bilion
(S2 2024: Aliran masuk bersih RM17.1 bilion)

Faktor pendorong utama
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan lain, disebabkan terutamanya oleh penempatan deposit di luar negara oleh pelabur pemastautin.
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh pelaburan langsung luar negeri yang lebih tinggi dalam keadaan aliran masuk FDI yang lebih besar.

Yang mengimbangi
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan portfolio berikutan pemerolehan sekuriti hutang dalam negeri dan sekuriti ekuiti yang lebih tinggi oleh pelabur bukan pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih rendah

RM1.26 trilion atau 66.3% daripada KDNK
(S2 2024: RM1.33 trilion atau 70.7% daripada KDNK)
- Kesan penilaian kadar pertukaran susulan penambahan nilai ringgit berbanding beberapa mata wang utama dan serantau.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Matawang

Dalam denominasi ringgit: 34.4%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit
Dalam denominasi FCY: 65.6%
yang 61.7% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 17.9% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Tempoh Matang

Jangka sederhana dan panjang: 59.1%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih **-RM38.6 bilion** (S2 2024: RM81 bilion)

Rizab Antarabangsa[1] **USD117.6 bilion** (S2 2024: RM113.8 bilion)
- **4.6 bulan[2]** import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 30 Oktober 2024.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 7 November 2024 kerana mencerminkan data terkini S3 2024 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding dolar AS dan berbanding rakan perdagangan utamanya

Ringgit menambah nilai sejajar dengan rakan perdagangan utama berikutan peralihan ke arah pelonggaran dasar monteri oleh Rizab Persekutuan AS

Prestasi Indeks Dolar AS dan mata wang serantau berbanding dolar AS,
% sejak awal tahun sehingga kini dan antara suku tahun ke suku tahun



Nilai ringgit bertambah berbanding dengan rakan perdagangan utama

NEER S3 2024: +9.9%
S2 2024: 1.6%

[1] Sejak awal tahun (year-to-date, YTD) hingga 13 November 2024. Angka pada rajah palang ialah angka YTD.
Nota: NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Perkembangan pasaran kewangan domestik didorong oleh faktor global dan dalam negeri

Kadar hasil bon menurun

selaras dengan rakan serantau disebabkan oleh pelonggaran dasar monetari global

Kadar hasil MGS 10 tahun -15 mata asas
(S2 2024: +1 mata asas)

Pasaran ekuiti meningkat

berikutan aliran masuk asing bersih, didorong oleh jangkaan perolehan korporat dalam negeri yang lebih kukuh

KLCI +3.7% suku tahun ke suku tahun
(S2 2024: +3.5%)

Faktor-faktor utama

Jangkaan pemotongan kadar selanjutnya oleh Rizab Persekutuan AS menyebabkan kelemahan nilai dolar AS pada suku tersebut yang seterusnya memacu penambahan nilai mata wang serantau

Pertumbuhan kukuh, peningkatan pelaburan dan komitmen terhadap pembaharuan menggalakkan keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP, Bursa Malaysia dan Bloomberg

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar antara bank dan kadar deposit tetap mencatatkan penurunan pada suku ketiga

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **KLIBOR 3 bulan menurun sedikit** kepada 3.55%, manakala kadar antara bank juga menurun pada suku ketiga.
- **Kadar deposit tetap (FD) menurun sedikit** antara 1 hingga 3 mata asas bagi tempoh 1 hingga 12 bulan, yang mencerminkan pelarasan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana mereka.
- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit** pada suku ketiga, terutamanya untuk pinjaman perniagaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pengantaraan kewangan kekal disokong oleh mudah tunai sistem perbankan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan pada akhir suku ketiga menurun** dalam keadaan suntikan mudah tunai yang lebih sedikit oleh BNM.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan dana semalaman di BNM pada akhir bulan September 2024.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit bagi perniagaan menjadi sederhana, manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal berterusan

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,[1]
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



[1] Terdiri daripada bon korporat terkumpul serta pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan isi rumah.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]

4.8%
S2 2024: 5.5%

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul[3] lebih perlahan (5.5%; S2 2024: 6%), berikutan pertumbuhan pinjaman perniagaan yang sederhana.
- Pertumbuhan bon korporat juga menurun kepada 2.1% (S2 2024: 3.4%), berikutan pertumbuhan penebusan yang lebih kukuh.

Pinjaman Perniagaan

4.5%
S2 2024: 5.7%

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan lebih sederhana pada 4.5% (S2 2024: 5.7%), berikutan pertumbuhan pinjaman kepada bukan PKS yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman PKS terus menggalakkan (8.8%, S2 2024: 9.5%).
- Mengikut sektor, pertumbuhan pinjaman untuk sektor perkhidmatan berterusan manakala pertumbuhan pinjaman bagi sektor perkilangan dan pembinaan menjadi sederhana.

Pinjaman Isi Rumah

6.1%
S2 2024: 6.2%

- Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman kekal stabil, didorong oleh pinjaman untuk pembelian rumah dan kereta.
- Pertumbuhan permohonan pinjaman isi rumah terus menggalakkan dengan kadar kelulusan yang mampan.

[2] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
[3] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Ringkasan Eksekutif

- Pengukur Iklim Perniagaan merupakan alat pemantauan berguna yang memberikan laporan yang tepat pada masanya bagi membolehkan BNM mengukur perubahan dalam sentimen perniagaan.
- Laporan tersebut berguna untuk mengenal pasti titik perubahan serta cabaran dan peluang khusus sektor untuk membolehkan BNM membuat keputusan dasar berdasarkan maklumat yang mencukupi.
- Pengukur Iklim Perniagaan menunjukkan bahawa pada tahun 2024, sentimen perniagaan bertambah baik merentas sektor, didorong antaranya oleh permintaan global yang lebih baik, aktiviti pembinaan yang kukuh dan pemulihan dalam pelancongan.

Pengenalan

Dalam landskap ekonomi masa kini yang pantas dan kompleks, laporan masa nyata jangka pendek tentang keadaan ekonomi dan sentimen perniagaan amat diperlukan bagi bank-bank pusat untuk mengenal pasti dinamik pada peringkat lapangan. Bagi Bank Negara Malaysia (BNM), pasukan Pengawasan Ekonomi Wilayah (Regional Economic Surveillance, RES) memainkan peranan penting dalam mengumpulkan maklum balas secara langsung daripada peserta industri dan menjana data kualitatif untuk menyokong penilaian tinjauan ekonomi BNM. Hal ini telah terbukti sangat berguna dalam keadaan ketidakpastian yang kian meningkat.

1 Utara (Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak), Selatan (Johor dan Melaka), Tengah (Lembah Klang dan Negeri Sembilan), Pantai Timur (Terengganu, Kelantan dan Pahang), Sabah dan Sarawak.

BNM menganalisis sentimen perniagaan dan memperoleh pemahaman penting dalam mengenal pasti titik perubahan dalam ekonomi dengan menggunakan BCC

Pasukan RES yang merentas enam wilayah[1] di seluruh negara menjalankan sekurang-kurangnya 120 sesi libat urus dengan pelbagai peserta industri, dewan perniagaan dan perdagangan serta agensi Kerajaan setiap dua bulan. Setiap sesi diselaraskan dengan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM sepanjang tahun. RES meminta maklumat daripada syarikat mengenai perkembangan terkini titik data penting seperti hasil pendapatan, pelaburan, inventori, kos, harga, keadaan pengambilan pekerja dan syarat pembiayaan berbanding tempoh yang sama pada setahun yang lalu, serta jangkaan perubahan titik data ini pada suku hadapan.

Dengan membuat laporan agregat berdasarkan pandangan syarikat, pasukan RES menganalisis turun naik sentimen perniagaan untuk mengenal pasti keberadaan titik perubahan dalam ekonomi. Pendekatan ini dipermudah melalui alat yang dikenali sebagai Pengukur Iklim Perniagaan (*Business Climate Clock*, BCC), yang membantu menggambarkan dan memantau trend dari semasa ke semasa. Rencana ini bertujuan untuk menghuraikan cara BNM menggunakan alat tersebut untuk menilai trend ekonomi secara lebih baik, lantas membantu perumusan tindak balas dasar yang wajar. Bahagian pertama rencana ini menggariskan tafsiran BCC, diikuti dengan penilaian berbentuk kronologi tentang cara sentimen perniagaan berkembang dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya sepanjang tempoh pandemik. Bahagian akhir rencana ini menilai kegunaan BCC untuk mengenal pasti titik perubahan dalam pertumbuhan KDNK Malaysia.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

BCC menggambarkan keadaan ekonomi menggunakan rajah keadaan-jangkaan

Walaupun kaji selidik perniagaan sering dibuat, hasil laporan secara grafik lazimnya memaparkan respons kaji selidik kepada soalan masing-masing mengikut masa. Berdasarkan Ifo (Institute for Economic Research, Munich University),[2] BCC akan menggambarkan dan menganalisis keadaan ekonomi menggunakan rajah keadaan-jangkaan. Perkara ini dilakukan dengan memplotkan imbangan bersih[3] keadaan perniagaan semasa syarikat pada paksi-X (iaitu pertumbuhan hasil pendapatan semasa) berbanding dengan jangkaan perniagaan mereka pada paksi-Y (iaitu tinjauan pertumbuhan hasil pendapatan pada suku hadapan) pada satu-satu masa.

Rajah 1: Gambaran Ideal BCC Lazim



Nota: Pertumbuhan hasil pendapatan syarikat dipilih sebagai penunjuk situasi dan jangkaan perniagaan kerana penunjuk ini memberikan pemahaman berharga tentang keseluruhan keadaan permintaan dan tinjauan ekonomi.

Terdapat empat kuadran pada rajah BCC, masing-masing mewakili empat peringkat iklim yang berbeza dalam kitaran perniagaan: positif, kemerosotan, negatif dan pemulihan (Rajah 1). Jika pertimbangan syarikat mengenai keadaan perniagaan semasa mereka dan jangkaan masa depan adalah positif bersih secara seimbang, iklim perniagaan berada dalam kuadran "positif" (A). Jika penunjuk jangkaan masa hadapan bertukar negatif, tetapi keadaan perniagaan semasa masih positif, maka “kemerosotan" ditetapkan dalam kuadran (B). Apabila keadaan perniagaan semasa dan jangkaan masa hadapan adalah negatif bersih, iklim perniagaan berada dalam kuadran "negatif" (C). Akhir sekali, jika keadaan perniagaan semasa bersih adalah negatif, tetapi penunjuk jangkaan masa hadapan bertukar positif, maka iklim perniagaan berada dalam kuadran “pemulihan” (D).

Lazimnya, BCC bergerak mengikut arah jam merentas kuadran. Pola ini disebabkan oleh penunjuk jangkaan perniagaan (paksi-Y) yang perlu memacu penunjuk keadaan perniagaan (paksi-X). Dalam erti kata lain, jangkaan syarikat pada tiga bulan akan datang semasa kitaran libat urus ini akhirnya akan berlaku dalam kitaran libat urus seterusnya. Walau bagaimanapun, hubung kait ini mungkin tidak berlaku sekiranya terjadi kejutan, jika terdapat perubahan pada kitaran mengikut arah jam yang biasa.

2 Rujuk Abberger, K. dan Nierhaus, W. (2008) untuk maklumat lanjut mengenai Business Cycle Clock Ifo. Negara dan organisasi lain juga telah memperkenalkan pelbagai versi perwakilan grafik sedemikian, termasuk Business Cycle Tracer oleh Netherland Statistics dan Statistics Denmark. Walau bagaimanapun, Business Cycle Clock Ifo didapati paling relevan untuk perkara ini memandangkan penunjuk terpilihnya boleh didapati daripada libat urus RES (iaitu, keadaan perniagaan dan penunjuk jangkaan perniagaan). Sila lihat Lampiran untuk maklumat lanjut.

3 Imbangan bersih merujuk perbezaan antara peratusan syarikat yang menyatakan hasil pendapatan yang lebih tinggi dengan peratusan syarikat yang menyatakan hasil pendapatan yang lebih rendah.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

BCC RES memantau cara sentimen perniagaan merosot apabila dunia menghadapi pandemik

Rajah 2: Pengukur Iklim Perniagaan (2019-20)

Imbangan bersih



Nota: Enam tanda untuk setiap tahun mewakili enam kitaran MPC sepanjang tahun (Januari, Mac, Mei, Julai, September dan November).
Sumber: Libat urus RES

Laporan daripada kaji selidik syarikat digunakan untuk mengenal pasti faktor utama dan tema berulang yang mempengaruhi sentimen perniagaan. Pandangan kualitatif ini memberikan penjelasan terperinci tentang perubahan yang diperhatikan dalam BCC.

Zaman COVID-19: Kejutan kepada sistem

Pada awal tahun 2019, sentimen perniagaan dalam kalangan syarikat di Malaysia adalah negatif berikutan ketidaktentuan yang berpunca daripada ketegangan dalam hubungan perdagangan AS-China, dan pada tahap tertentu, kebimbangan berhubung dengan kesinambungan dasar akibat pertukaran Kerajaan Malaysia pada tahun 2018 (Rajah 2). Walau bagaimanapun, sentimen perniagaan pulih secara beransur-ansur pada tahun itu. Pemulihan ini disokong oleh permintaan pengguna yang kembali meningkat. Selain itu, permintaan luaran yang kukuh turut menyokong sektor E&E dan sektor berkaitan sumber primer.

Walau bagaimanapun, kemajuan ini terganggu secara tiba-tiba apabila pandemik COVID-19 bermula pada awal tahun 2020. Sebelum penunjuk berkaitan masa yang lain dapat mengesan impak pandemik, sentimen syarikat telah bertukar negatif secara mendadak pada libat urus bulan Januari dan Februari 2020 (iaitu kitaran MPC Mac 2020). Sektor pemborong, peruncit dan hospitaliti menunjukkan penurunan hasil pendapatan berikutan ketibaan pelancong yang berkurang. Sentimen syarikat berorientasikan eksport, yang pada mulanya optimistik, menjadi kurang memberangsangkan berikutan kelewatan penghantaran akibat langkah sekatan pergerakan di daerah tertentu di China. Pada bulan Mac 2020, sentimen bertambah buruk selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang mengganggu operasi dengan teruk dan menyebabkan permintaan pengguna turun dengan mendadak. Pada tempoh ini, kebanyakan syarikat memberikan tumpuan pada kelangsungan hidup dan daya tahan kerana terpaksa membuat penyesuaian dengan perkembangan baharu. Menjelang akhir tahun 2020, kebanyakan syarikat bersiap sedia untuk gangguan yang berpanjangan.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Peralihan sentimen perniagaan yang tidak konsisten pada tahun 2021, diikuti dengan keyakinan yang stabil pada tahun 2022

Rajah 3: Pengukur Iklim Perniagaan (2021-22)
Imbangan bersih



Sumber: Libat urus RES

4 Terdapat pelbagai tahap dan garis masa sekatan pergerakan merentas negeri yang berbeza sepanjang tahun 2021. Contohnya, beberapa negeri melaksanakan semula PKP pada bulan Januari 2021, walaupun ada negeri yang beralih kepada PKP Bersyarat (PKPB) yang kurang ketat menjelang bulan Mac 2021. Walau bagaimanapun, PKP penuh (PKPP) telah dikenakan pada pertengahan tahun 2021, diikuti dengan pelancaran pelan pemulihan negara empat fasa bermula pada bulan Jun 2021 untuk membantu negara bangkit daripada pandemik.

Pemulihan yang tidak sekata selepas COVID-19

Pada tahun 2021, sentimen perniagaan bergerak antara kuadran "pemulihan", "kemerosotan" dan "positif" secara tidak menentu (Rajah 3). Keadaan ini mencerminkan pemulihan ekonomi yang tidak sekata dan sukar dijangka selepas pandemik. Syarikat-syarikat terpaksa berhadapan dengan sisa cabaran pandemik, termasuk isu rantaian bekalan dan sekatan operasi. Di dalam negeri, peruncit dan pengendali makanan pada mulanya mendapat manfaat daripada permintaan terpendam yang terbukti melalui pertumbuhan jualan di luar premis dan secara dalam talian. Namun mereka menghadapi ketidakpastian akibat PKP yang berubah-ubah[4] apabila kes COVID-19 melonjak semula. Sementara itu, syarikat berorientasikan eksport optimis berikutan permintaan luaran yang kukuh dalam segmen seperti elektronik pengguna. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak mencukupi untuk mengimbangi sentimen negatif dalam kalangan peserta dalam negeri, lantas mengakibatkan imbangan bersih negatif bagi pertumbuhan hasil pendapatan semasa pada sebahagian besar tahun 2021.

Pada tahun 2022, dengan impak pandemik yang sudah berkurang, sentimen positif merentas sektor menjadi kukuh disebabkan oleh pelonggaran sekatan, rantaian bekalan yang lebih baik, pembukaan semula sempadan dan permintaan global yang lebih kukuh. Sektor yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch*) dan berorientasikan pengguna mencatatkan pemulihan yang jelas melalui peningkatan pengunjung fizikal. Perbelanjaan pengguna juga didorong oleh tawaran digital, transaksi tanpa tunai yang diperluas serta rangsangan dasar seperti pengeluaran KWSP khas dan pengecualian cukai jualan kenderaan. Secara kolektif, faktor-faktor ini menyokong peningkatan permintaan secara beransur-ansur, dengan penyesuaian digital, kepelbagaian rantaian bekalan dan daya tahan operasi sebagai pemacu penting bagi keyakinan yang berterusan. Semua sentimen positif ini dicerminkan dalam keadaan perniagaan semasa syarikat dan prospek jangka pendek yang lebih baik.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Syarikat lebih berhati-hati pada tahun 2023 sebelum kembali positif pada tahun 2024

Rajah 4: Pengukur Iklim Perniagaan (2023-24)
Imbangan Bersih



Sumber: Libat urus RES

Daripada cabaran kepada daya tahan

Walaupun ledakan ekonomi selepas pandemik terus menyumbang kepada sentimen positif pada awal tahun 2023, laporan syarikat menunjukkan bahawa sentimen pada suku pertama tahun 2023 tidak berkekalan. BCC mula menunjukkan penurunan momentum pertumbuhan bagi suku seterusnya dan beralih kepada kuadran "kemerosotan" pada bulan Mei 2023 (Rajah 4). Peralihan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan kos sara hidup yang tinggi terhadap kuasa beli pengguna. Prestasi pertumbuhan KDNK suku kedua tahun 2023 yang lembap kemudiannya mengesahkan trend penurunan ini. Pada separuh kedua tahun 2023, BCC terus merosot kepada kuadran "negatif" kerana kelembapan pertumbuhan dan perdagangan global turut menjejaskan syarikat berorientasikan eksport, termasuk subsektor E&E yang mengalami pemulihan yang tertangguh dan tidak sekata. Selain itu, kelemahan ringgit juga mewujudkan ketidaktentuan berkaitan kos, khususnya bagi syarikat yang sangat bergantung pada import.

Pada awal tahun 2024, sentimen bergerak kepada kuadran "pemulihan", sebelum menjadi lebih positif pada separuh kedua tahun 2024. Keyakinan perniagaan pulih berikutan permintaan global yang lebih baik, aktiviti pembinaan yang lebih kukuh dan pemulihan yang lebih meluas dalam industri E&E. Dasar Kerajaan seperti pengeluaran Akaun Fleksibel KWSP dan semakan gaji penjawat awam juga meningkatkan keyakinan dalam kalangan syarikat. Selain itu, pasaran pekerja telah pulih kepada paras sebelum pandemik, menyokong operasi dalam sektor yang terjejas teruk sebelum ini, khususnya pembinaan dan minyak sawit. Pemulihan pelancongan yang berterusan juga meningkatkan keyakinan syarikat kerana pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Sentimen positif tersebut dicerminkan dalam hasil pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada tahun 2024 setakat ini.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Daripada Pengukur Iklim Perniagaan kepada Indeks

Di sebalik naratif grafik bernas yang dibentangkan oleh BCC, penilaian perlu dibuat untuk menentukan sama ada BCC mencerminkan realiti ekonomi asas dengan tepat dan boleh diharap. Bagi mencapai matlamat ini, Indeks Iklim Perniagaan (*Business Climate Index*, BCI) juga dianggar menggunakan min geometri[5] imbangan bersih penunjuk "pertumbuhan hasil pendapatan semasa" dan "tinjauan pertumbuhan hasil pendapatan":

$$BCI = \sqrt{[(\text{Imbangan Bersih Pertumbuhan Hasil Semasa} + 100) * (\text{Imbangan Bersih Tinjauan Pertumbuhan Hasil} + 100)]} - 100$$

Keputusan menunjukkan hubung kait yang kukuh antara BCI dengan pertumbuhan KDNK, dengan hubung kait yang lebih kukuh bagi pertumbuhan KDNK nominal berbanding dengan pertumbuhan KDNK benar (Rajah 5) yang mungkin disebabkan oleh kesan harga. Pada tempoh kos tinggi dan tekanan harga (contohnya, pertengahan tahun 2021 hingga pertengahan tahun 2022), syarikat-syarikat melaporkan pertumbuhan hasil yang lebih tinggi kerana kenaikan harga meningkatkan nilai jualan meskipun jumlah jualan stabil.

Pada tempoh pandemik antara suku pertama tahun 2020 dan suku pertama tahun 2022, BCI dapat mencatatkan sebahagian besar kelembapan dan peningkatan ekonomi. Walau bagaimanapun, memandangkan sifat kualitatifnya, BCI tidak dapat mencatatkan sepenuhnya magnitud terendah dan tertinggi (*troughs and peaks*). Berbanding dengan pertumbuhan KDNK, BCI juga tidak mencatatkan tahap tertinggi pada suku ketiga tahun 2022 atau penurunan pada suku ketiga tahun 2024. Hal ini mungkin mencerminkan had BCI dalam mencatatkan magnitud impak daripada kejutan dasar yang dilaksanakan sekali sahaja seperti kemudahan pengeluaran khas KWSP atau situasi luar jangka seperti gangguan komoditi.

5 Kaedah ini juga digunakan oleh Ifo untuk Business Cycle Clock. Min geometri mengurangkan sedikit nilai melampau. Perkara ini mungkin relevan jika bilangan pemerhatian dalam kaji selidik adalah agak kecil. Memandangkan imbangan bersih adalah antara -100 hingga 100, kiraan ini pada mulanya ditambah dengan 100 untuk mendapatkan nilai sebenar punca. Dengan menolak 100 pada penghujung, angka-angka ini membatalkan satu sama lain sekali lagi.

Laporan daripada syarikat berhubung kait baik dengan keluaran ekonomi sebenar

Rajah 5: Perbandingan BCI dengan Pertumbuhan KDNK Nominal dan Benar



Nota: Maklumat BCC diambil setiap dua bulan, lalu menghasilkan enam pemerhatian setahun. Bagi bulan-bulan tanpa pemerhatian, angka diwakili dengan mengambil purata bulan sebelumnya dan sesudahnya. Kemudian, data bulanan ini diagregatkan untuk mendapatkan BCI peringkat suku tahun.
Sumber: Libat urus RES dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Mengharungi Ketidakpastian: Nilai BCC dan BCI

BCC dan BCI memberikan pemahaman yang lebih tepat dan terperinci mengenai trend dan unjuran ekonomi. Pemahaman ini membantu perumusan dasar BNM secara lebih baik. Walaupun BCI adalah penunjuk berkebetulan (*coincident indicator*), BCI masih dapat memberikan penunjuk awal disebabkan oleh ketersediaan maklumat dua bulan lebih awal daripada siaran KDNK sebenar. Yang penting, BCI membantu mengenal pasti titik perubahan, khususnya pada tempoh ketidakpastian.

Contohnya, gangguan mendadak dan meluas yang disebabkan oleh pandemik telah menimbulkan cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini bagi unjuran ekonomi. Rantaian bekalan terganggu dan tingkah laku pengguna berubah dengan ketara, manakala kebanyakan industri sama ada ditutup buat sementara waktu atau terpaksa membuat penyesuaian segera dengan prosedur operasi standard (*standard operating procedures,* SOP) baharu. Pada tempoh kritikal ini, laporan oleh pasukan RES membantu untuk merapatkan jurang data dengan menyediakan maklumat yang tepat pada masanya, berpandangan ke hadapan dan kualitatif.

Selain menyokong penilaian ekonomi untuk dasar monetari, laporan peringkat syarikat juga menyumbang kepada perumusan dan advokasi dasar BNM. Pandangan peringkat lapangan yang relevan tentang potensi risiko dan peluang kepada ekonomi juga sering disampaikan melalui pelbagai platform.[6]

Ringkasan

BNM sentiasa berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan komuniti perniagaan untuk mengumpulkan pandangan penting mengenai landskap ekonomi serta meningkatkan pemahaman tentang keadaan dan tinjauan perniagaan semasa. Sesi libat urus ini mempengaruhi keputusan dasar dan inisiatif strategik. Perkembangan utama dalam usaha ini ialah Pengukur Iklim Perniagaan dan Indeks Iklim Perniagaan yang memberikan pemahaman yang tepat pada masanya bagi BNM memantau perubahan sentimen syarikat. Dengan memanfaatkan alat ini, BNM boleh mengesan titik perubahan ekonomi serta mengenal pasti cabaran dan peluang khusus mengikut industri. Pada masa hadapan, BNM komited untuk terus meningkatkan kualiti maklum balas bagi memastikan sampel yang menggambarkan ekonomi. BNM juga akan terus memupuk kerjasama yang lebih erat dan kepercayaan yang lebih utuh dengan komuniti perniagaan serta memastikan bahawa keputusan yang dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi akan membimbing pendekatan BNM untuk mengharungi perubahan persekitaran ekonomi Malaysia.

6 Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rencana bertajuk "Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik" dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2021.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Lampiran: Memahami Ifo Business Cycle Clock – Asal Usul dan Evolusi

Pada tahun 1993, hubungan kitaran antara dua komponen Ifo Business Survey di Jerman, iaitu keadaan dan jangkaan perniagaan, telah dibentangkan buat kali pertama dalam bentuk skim kitaran perniagaan empat kuadran. Kuadran dilabelkan dengan empat fasa aktiviti yang berbeza, iaitu "pemulihan", "ledakan", "kemerosotan" dan "krisis".

Keputusan mengenai keadaan dan jangkaan perniagaan diperoleh daripada hampir 9,000 respons bulanan daripada perniagaan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, perdagangan dan pembinaan. Syarikat diminta supaya menggambarkan keadaan perniagaan semasa mereka sebagai "baik", "memuaskan" atau "lemah", dan jangkaan perniagaan mereka untuk enam bulan akan datang sebagai "lebih baik", "tidak berubah", atau "kurang baik". Nilai imbangan bersih keadaan perniagaan semasa ialah perbezaan bahagian peratusan respons "baik" dan "buruk", manakala nilai imbangan bersih jangkaan perniagaan ialah perbezaan bahagian peratusan respons "lebih baik" dan "kurang baik".

Matlamat Business Cycle Clock adalah untuk menggambarkan perkembangan dan dinamik kegiatan ekonomi secara tepat pada masanya. Rajah 6 menunjukkan evolusi kegiatan ekonomi Jerman daripada tahun 2018 hingga tahun 2024 yang digambarkan melalui Ifo Business Cycle Clock.[7]

Rajah 6: Ifo Business Cycle Clock di Jerman



[a] Manufacturing, service sector, trade, and construction.
Source: ifo Business Survey, September 2024.

7 Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang institut Ifo melalui www.ifo.de.

Rencana

Meninjau Sentimen Perniagaan: Pengukur Iklim Perniagaan RES

Rujukan

Abberger, K. and Nierhaus, W. (2008). 'The Ifo Business-Cycle Clock: A precision instrument for the analysis of the economy.' Ifo Schnelldienst, No. 23, 16-24.

Anas, J. et al. (2017). 'An overview of existing business cycle clock applications and some proposals for further improvement.' Eurostat, Handbook on Cyclical Composite Indicators, No. 20, 497-513.

Bank Negara Malaysia (2022). 'Mengukur Nadi Ekonomi Semasa Pandemik.' Laporan Tahunan 2021.

Gayer, C. (2014). 'The Economic Climate Tracer: A tool to visualize the cyclical stance of the economy using survey data.' European Commission, Directorate General for Economic and Financial Affairs.

Wohlrabe, K. and Wollmershauser, T. (2017). 'Interpreting the Ifo Business Climate Correctly as a Leading Economic Indicator.' Ifo Schnelldienst, No. 15, 42-46.

Pertimbangan Dasar

Sorotan mesyuarat MPC bulan November

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3% pada mesyuarat MPC bulan November 2024.
- MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari terus menyokong ekonomi

MPC telah mengekalkan OPR pada 3% pada mesyuarat MPC pada bulan September dan November 2024.

Pada mesyuarat bulan November baru-baru ini, MPC menilai bahawa ekonomi global terus berkembang berikutan keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pemulihan perdagangan global yang berterusan. Pada masa hadapan, pertumbuhan global dijangka berterusan disebabkan oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi yang terus sederhana dan dasar monetari yang kurang ketat. Perdagangan global dijangka terus pulih disokong oleh produk elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E) serta produk bukan E&E. Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, khususnya disebabkan oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, volatiliti dalam pasaran kewangan global yang meningkat dan momentum pertumbuhan yang lebih perlahan di ekonomi-ekonomi utama.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini setakat pada mesyuarat MPC bulan November mencatatkan kegiatan ekonomi yang terus kukuh, didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan aktiviti eksport yang lebih tinggi. Pada masa hadapan, eksport dijangka terus disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global, eksport barangan bukan E&E yang terus kukuh dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah-langkah dasar terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan yang mantap akan terus berkembang disebabkan oleh projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional. Pelaburan yang disokong oleh modal import yang lebih tinggi ini akan meningkatkan eksport dan mengembangkan keupayaan pengeluaran ekonomi. Langkah-langkah Belanjawan 2025 akan memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan ekonomi. Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, pertumbuhan mungkin menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana dengan purata 1.8% sejak awal tahun sehingga kini. Menuju tahun 2025, inflasi dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Walau bagaimanapun, prospek inflasi terus bergantung pada

Pertimbangan Dasar

perincian pelaksanaan langkah-langkah dasar dalam negeri yang telah diumumkan. Risiko kenaikan inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan langkah-langkah dasar dalam negeri serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan.

Prestasi ringgit terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Keputusan pilihanraya Amerika Syarikat mungkin meningkatkan volatiliti dalam jangka masa terdekat. Pada masa hadapan, perbezaan kadar faedah yang semakin kecil antara Malaysia dengan ekonomi-ekonomi maju adalah positif untuk ringgit. Prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, bersama-sama dengan inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian trajektori inflasi dan trajektori pertumbuhan dalam negeri menuju tahun 2025. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

Tinjauan Makroekonomi

Pertumbuhan global akan berterusan pada kadar sederhana berikutan pelonggaran dasar monetari

Pemulihan perdagangan global dijangka berterusan pada tahun 2025

Ekonomi global dijangka terus stabil pada tahun 2025, disokong oleh pelonggaran dasar monetari, keadaan pasaran pekerja yang positif dan inflasi yang menjadi sederhana. Pertumbuhan China dijangka berkembang meskipun pada kadar yang lebih perlahan, berikutan sokongan fiskal yang lebih meluas akan diimbangi oleh pasaran harta tanah dan sentimen pengguna yang lemah. Pertumbuhan perdagangan global dijangka terus pulih, disokong oleh barangan E&E dan bukan E&E yang kukuh.

Prospek pertumbuhan kekal tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan terutamanya daripada ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, dasar perdagangan di ekonomi-ekonomi utama, volatiliti pasaran kewangan global yang meningkat dan momentum pertumbuhan yang lebih perlahan di ekonomi-ekonomi utama. Namun demikian, pertumbuhan global mungkin menjadi lebih tinggi boleh berpunca daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan, terutamanya dalam ekonomi-ekonomi maju, serta sokongan dasar yang lebih meluas di China.

Ekonomi Malaysia terus berkembang

Permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran menyokong pertumbuhan

Pada masa hadapan, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan dipacu oleh pengembangan aktiviti pelaburan yang mantap, eksport yang kukuh dan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan. Aktiviti pelaburan yang mantap akan terus berkembang disebabkan oleh projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional. Limpahan yang lebih tinggi daripada kitaran menaik teknologi global dan permintaan barangan bukan E&E yang terus kukuh akan meningkatkan eksport, dan pada masa yang sama perbelanjaan pelancong dijangka akan terus meningkat. Pertumbuhan guna tenaga dan upah serta langkah-langkah dasar terus menyokong perbelanjaan isi rumah.

Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko daripada permintaan luaran yang lebih perlahan, ketegangan geopolitik dan langkah-langkah sekatan perdagangan yang semakin meruncing serta pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas, serta aktiviti pelancongan yang lebih giat boleh meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Inflasi pada tahun 2025 dijangka kekal terkawal

Walau bagaimanapun, prospek inflasi terus bergantung pada pelaksanaan langkah-langkah dasar dalam negeri yang telah diumumkan.

Sejak awal tahun hingga kini, inflasi keseluruhan dan inflasi teras mencatatkan purata sebanyak 1.8%. Kesan limpahan daripada pelarasan harga diesel kepada harga secara amnya terkawal berikutan langkah-langkah penguatkuasaan dan pengurangan yang berkesan, lantas mengurangkan kesan terhadap kos perniagaan dan mengehadkan kesan pindahan kepada harga runcit. Prospek inflasi terus bergantung pada pelaksanaan lanjut langkah-langkah dasar dalam negeri, harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan.

Menuju tahun 2025, inflasi dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global[1] yang terus mereda. Prospek inflasi sebahagiannya akan bergantung pada masa pelaksanaan langkah-langkah dasar baharu serta kesan yang semakin mereda bagi dasar yang telah diperkenalkan pada tahun 2024 (contohnya rasionalisasi subsidi, peningkatan kadar SST). Langkah-langkah merangsang permintaan[2] pada masa hadapan boleh memberikan sokongan tambahan kepada permintaan dalam negeri meskipun kesannya terhadap inflasi dijangka kekal terkawal.

[1] Merujuk Tinjauan Ekonomi 2025, Kementerian Kewangan Malaysia. Inflasi keseluruhan diunjurkan untuk berpurata antara 2% hingga 3.5% pada tahun 2025, mencakupi risiko kenaikan inflasi daripada langkah-langkah dasar dalam negeri.

[2] Hal ini termasuk, antara lain, peningkatan gaji bagi penjawat awam, pelaksanaan dasar gaji progresif dan semakan semula gaji minimum.

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2023 %	2023			2024		
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan, %					
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.9	4.5	4.9	4.6	6.1	6.9	7.0
Sektor swasta	76.2	4.2	4.1	4.6	5.7	7.3	7.0
Penggunaan	60.7	4.1	4.2	4.7	4.7	6.0	4.8
Pelaburan	15.5	4.5	4.0	4.6	9.2	12.0	15.5
Sektor awam	17.8	5.9	7.4	4.6	8.4	4.9	7.1
Penggunaan	13.2	5.3	5.8	3.3	7.3	3.6	4.9
Pelaburan	4.6	7.5	11.3	8.6	11.5	9.1	14.4
Eksport Bersih	4.4	-19.9	-52.9	-16.2	-24.5	3.4	-8.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	66.1	-12.0	-7.9	-8.1	5.2	8.4	11.8
Import Barangan dan Perkhidmatan	61.7	-11.3	-2.6	-7.4	8.0	8.7	13.5
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**3.1**	**2.9**	**3.6**	**4.2**	**5.9**	**5.3**
KDNK, perubahan suku tahunan secara bermusim %	**-**	2.4	-1.0	-	1.5	2.9	**1.8**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2023 %	2023			2024		
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan, %					
Perkhidmatan	59.2	4.9	4.1	5.1	4.8	5.9	5.2
Perkilangan	23.4	-0.1	-0.3	0.7	1.9	4.7	5.6
Pertanian	6.4	0.3	1.9	0.7	1.7	7.3	3.9
Perlombongan	6.2	-1.1	3.5	0.5	5.7	2.7	-3.9
Pembinaan	3.6	7.2	3.6	6.1	11.9	17.3	19.9
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**3.1**	**2.9**	**3.6**	**4.2**	**5.9**	**5.3**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2023			2024		
	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
	RM bilion					
Akaun semasa	**8.2**	**0.9**	**28.2**	**16.2**	**3.0**	**2.2**
% daripada KDNK	*1.8*	*0.2*	*1.5*	*3.5*	*0.6*	*0.4*
Barangan	33.6	30.8	136.2	32.0	24.6	23.1
Perkhidmatan	-10.5	-7.4	-43.2	-7.3	-4.9	-1.6
Pendapatan primer	-12.9	-20.3	-52.9	-8.8	-15.5	-17.0
Pendapatan sekunder	-2.0	-2.2	-11.8	0.3	-1.1	-2.4
Akaun Kewangan	**17.8**	**-20.1**	**-15.5**	**-18.7**	**17.1**	**-7.5**
Pelaburan langsung	-3.1	5.2	-0.2	-6.0	3.8	-4.3
Aset	-12.8	-5.5	-36.3	-26.0	-6.0	-15.5
Liabiliti	9.7	10.7	36.1	20.0	9.7	11.1
Pelaburan portfolio	-13.4	-6.0	-36.4	-23.7	-21.7	3.6
Aset	-15.4	-10.0	-46.6	-21.2	-28.8	-32.0
Liabiliti	2.0	4.0	10.3	-2.5	7.2	35.6
Derivatif Kewangan	0.5	-3.8	-3.9	1.2	-0.6	-0.4
Pelaburan lain	33.9	-15.5	25.0	9.8	35.6	-6.3
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**-18.3**	**9.3**	**-33.0**	**11.3**	**-21.5**	**7.6**
Imbangan keseluruhan	**7.7**	**-10.1**	**-20.5**	**8.7**	**-1.3**	**2.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada rizab penilaian semula. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2023	2024	
	Akhir Sep	Akhir Jun	Akhir Sep
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,255.8**	**1,328.2**	**1,262.3**
Bersamaan USD bilion	*267.5*	*281.4*	*307.4*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	175.6	172.9	153.2
Peminjaman antara bank	238.4	234.7	207.4
Pinjaman antara syarikat berkaitan	186.9	210.1	199.6
Pinjaman	82.6	94.2	84.1
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	269.7	269.7	285.5
Deposit bukan pemastautin	139.1	146.3	143.7
Peruntukan Hak Pengeluar Khas (SDR) IMF	29.7	30.0	26.9
Lain-lain	133.5	170.3	162.1
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	723.8	764.2	745.8
Jangka pendek	532.0	564.0	516.6
Denominasi mata wang			
Ringgit	409.8	419.0	433.9
Asing	846.0	909.2	828.5
Jumlah hutang/ KDNK, %	**69.2**	**70.7**	**66.3**
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang, %	**42.4**	**42.5**	**40.9**
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek, kali	**1.0**	**1.0**	**0.9**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2023	2024		2023	2024	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Akhir tempoh, (RM bilion)			Perubahan tahunan (%)		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2,690.1**	**2,793.0**	**2,819.1**	**4.3**	**5.5**	**4.8**
Bon korporat terkumpul[2]	570.2	580.9	582.4	5.0	3.4	2.1
Pinjaman terkumpul[3,4]	2,119.9	2,212.2	2,236.6	4.1	6.0	5.5
Perniagaan	758.8	791.2	793.0	1.9	5.7	4.5
PKS	373.7	402.6	406.6	6.9	9.5	8.8
Bukan PKS	380.9	384.9	382.5	-2.6	2.1	0.4
Isi rumah	1,361.2	1,421.0	1,443.6	5.4	6.2	6.1
Kredit kepada Perniagaan[5]	1,328.9	1,372.1	1,375.5	3.2	4.7	3.5

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2023	2024		2023	2024	
	S3	S2	S3	S3	S2	S3
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, (%)		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]						
Permohonan pinjaman	419.1	386.3	431.1	4.3	4.2	2.9
Kelulusan pinjaman	214.7	200.8	223.3	-0.7	6.1	4.0
Pengeluaran pinjaman	561.4	536.6	554.3	8.0	2.2	-1.3
Bayaran balik pinjaman	552.2	532.7	538.2	4.1	0.2	-2.5
Antaranya:						
Perniagaan[3]						
Permohonan pinjaman	181.7	148.4	180.7	4.5	6.5	-0.5
Kelulusan pinjaman	106.9	92.9	112.1	-6.1	9.2	4.9
Pengeluaran pinjaman	427.6	403.3	412.7	6.4	0.5	-3.5
Bayaran balik pinjaman	427.1	400.6	403.9	2.3	-2.1	-5.5
PKS						
Permohonan pinjaman	106.7	86.8	97.3	26.0	5.9	-8.8
Kelulusan pinjaman	52.5	47.4	51.1	7.7	2.9	-2.6
Pengeluaran pinjaman	133.1	144.0	150.3	5.7	11.8	13.0
Bayaran balik pinjaman	130.2	138.7	146.4	4.4	11.0	12.4
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	74.8	61.5	83.4	-15.0	7.4	11.4
Kelulusan pinjaman	53.4	45.6	61.0	-17.8	16.5	14.2
Pengeluaran pinjaman	292.9	257.6	260.6	6.6	-5.0	-11.0
Bayaran balik pinjaman	295.8	260.6	256.3	1.6	-7.7	-13.3
Isi Rumah						
Permohonan pinjaman	237.5	237.9	250.4	4.0	2.7	5.4
Kelulusan pinjaman	107.8	107.9	111.2	5.4	3.5	3.1
Pengeluaran pinjaman	133.9	133.4	141.6	13.7	7.5	5.8
Bayaran balik pinjaman	125.1	132.0	134.4	10.7	8.2	7.5

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi jumlah angka bagi perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan**

	2023	2024		2023	2024	
	S3	S2	S3[a]	S3	S2	S3[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti[1]	11.5	12.1	12.4	-0.9	0.5	0.9
Pulangan atas aset[1]	1.3	1.3	1.4	-0.11	0.07	0.11
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	14,917	15,518	15,970	-8.4	6.5	7.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,173	3,402	3,437	8.5	13.1	8.3
Tolak: Kos operasi[2]	10,737	11,051	11,487	7.4	2.6	7.0
Keuntungan operasi kasar	7,353	7,870	7,920	-20.2	15.6	7.7
Tolak: Peruntukan jelas nilai[3] dan lain-lain	897	464	653	-45.9	-44.5	-27.2
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,456	7,405	7,267	-14.5	24.1	12.6
Campur: Pendapatan lain[1]	4,269	5,709	5,669	-6.3	13.3	32.8
Untung sebelum cukai[1]	**10,725**	**13,114**	**12,936**	**-11.4**	**19.1**	**20.6**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2023	2024		2023	2024	
	S3	S2	S3[a]	S3	S2	S3[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	856	2,951	2,552	3,323.0	185.3	198.3
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	863	850	844	-9.7	-4.2	-2.1
Nisbah tuntutan (%)	58	60	56	6.0	2.3	-2.7

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: **Kewangan Kerajaan Persekutuan**[1]

	2023		2024[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	77.9	88.7	70.0	69.1	87.1
Perubahan tahunan (%)	*-6.5*	*2.2*	*-8.2*	*-4.3*	*11.9*
Perbelanjaan mengurus	69.7	97.7	77.7	79.4	76.3
Perubahan tahunan (%)	*0.8*	*4.3*	*16.6*	*2.9*	*9.5*
Imbangan semasa	**8.1**	**-9.0**	**-7.7**	**-10.3**	**10.8**
Perbelanjaan pembangunan bersih	19.6	31.1	18.7	14.9	17.4
Perubahan tahunan (%)	*25.9*	*25.7*	*-29.3*	*-17.1*	*-11.3*
Kumpulan Wang COVID-19[2]	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Imbangan keseluruhan	**-11.5**	**-40.1**	**-26.4**	**-25.2**	**-6.6**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	89.3	128.8	96.4	94.3	93.7
Perubahan tahunan (%)	*-1.1*	*-4.2*	*3.5*	*-0.9*	*4.9*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1,156.7	1,172.5	1,209.2	1,227.5	1,239.1
Hutang dalam negeri	875.0	891.0	933.8	946.2	944.8
Hutang luar negeri	281.6	281.5	275.4	281.3	294.3
Pemegang hutang dalam denominasi RM oleh bukan pemastatutin	*256.5*	*256.3*	*250.2*	*256.8*	*272.1*
Peminjaman luar pesisir	*25.2*	*25.1*	*25.2*	*24.5*	*22.2*

[a] Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
[2] Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia